



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KETIGA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KEEMPAT BELAS**

17 APRIL 2020 (JUMAAT)

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KETIGA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS**

17 APRIL 2020 (HARI JUMAAT)

Kandungan	Muka Surat
KEHADIRAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT	3 - 5
PENGUMUMAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI	6
UCAPAN OLEH TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG	6 - 14
USUL DARIPADA YB. TIMBALAN KETUA MENTERI I	16
PERBAHASAN USUL OLEH YB. AHLI KAWASAN SUNGAI DUA	16 - 25
PENGGULUNGAN USUL UCAPAN TERIMA KASIH ATAS UCAPAN T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI	26 - 32
PENANGGUHAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI	33

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGKAL PERSIDANGAN KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 17 APRIL 2020 (JUMAAT)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Persidangan, Dewan Sri Pinang
Jalan Tun Syed Sheh Barakbah
Pulau Pinang.

HADIR

BIL.	NAMA	JAWATAN/AHLI KAWASAN
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	Y.A.B. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
13.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14.	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak

BIL.	NAMA	JAWATAN/AHLI KAWASAN
15.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
16.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
17.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
18.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
19.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
20.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
21.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
22.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
23.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
24.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
25.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
26.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
27.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
28.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
29.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
30.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
31.	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang
32.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
33.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
34.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
35.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
36.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
37.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
38.	YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
39.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
40.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

TIDAK HADIR

BIL.	NAMA	JAWATAN/AHLI KAWASAN
1	YB. Lim Guan Eng	Air Putih

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

BIL.	NAMA	JAWATAN/AHLI KAWASAN
1.	YB. Dato' Abdul Razak Bin Jaafar	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Norazmi Bin Mohd. Narawi	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 10.00 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat.

Bacaan Doa.

YB. Timbalan Ketua Meneri I:

“Bacaan Doa”.

Setiausaha Dewan:

Pengumuman oleh Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan hari ini, 17 April 2020, sebagai hari permulaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Keempat Belas, melalui perisytiharan bertarikh 25 Februari 2020 yang diwartakan pada 27 Februari 2020.

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri akan tiba di Dewan ini sebentar lagi untuk menyampaikan ucapan kepada Dewan.

[Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Setiausaha Dewan ke Bilik VIP untuk menjemput Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri]

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengumumkan ketibaan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ucapan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri.

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Bismillahirrahmanirrahim.

Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow,
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman,
Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang

Yang Berhormat Profesor Dr. Ramasamy A/L Palanisamy,
Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Abdul Razak Bin Jaafar,
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor,
Ketua Pembangkang

Yang Berhormat Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah,
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mengikuti keadaan semasa negara dan negeri kita yang masih berada tempoh PKP yakni Perintah Kawalan Pergerakan dilanjutkan maka saya akan meringkaskan ucapan saya pada pagi ini.

Sehubungan ini, untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya serta petugas-petugas barisan hadapan yang berjuang bersungguh-sungguh memastikan rakyat semua selamat dan sejahtera daripada ancaman virus COVID-19.

Saya juga menyeru kepada rakyat Pulau Pinang khususnya patuhi lah arahan yang diberikan oleh pihak yang berkuasa. "Sila Duduk Dirumah".

Ahli-ahli Yang Berhormat, teks ucapan saya sempena Perasmian Mesyuarat Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas Negeri Pulau Pinang telah berada di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk dibaca, difahami dan diambil perhatian oleh setiap Ahli Dewan Undangan Negeri dalam mengerakkan usahasama dalam memajukan Negeri Pulau Pinang.

Selamat Bersidang di Dewan yang mulia ini. Sekian terima kasih.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**[UCAPAN PENUH TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI
PULAU PINANG]**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Bismillahirrahmanirrahim.

Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow,
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman,
Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang

Yang Berhormat Profesor Dr. Ramasamy A/L Palanisamy,
Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Abdul Razak Bin Jaafar,
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor,
Ketua Pembangkang

Yang Berhormat Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah,
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua saya masih diberikan kesempatan untuk menghadiri dan menyampaikan ucapan perasmian bagi Mesyuarat Pertama Pembukaan Persidangan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Keempat Belas pada pagi yang mulia dan barakah ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow kerana dapat mentadbir Negeri Pulau Pinang dengan cemerlang di saat negeri dan negara yang tercinta ini dilanda wabak COVID-19. Saya percaya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta seluruh jentera pentadbiran kerajaan yang diketuai oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri telah melaksanakan tanggungjawab dan memberikan komitmen yang terbaik bagi memastikan perkhidmatan Kerajaan Negeri khususnya dapat berfungsi tanpa sebarang masalah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa.

Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai kedudukan kewangan yang baik. Meskipun sumber kewangan tidak besar, tetapi mampu memberikan bantuan kepada rakyat yang terkesan dengan COVID-19 ini. Semua telah maklum bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengumumkan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang berjumlah RM75 juta pada 25 Mac 2020 dengan tiga (3) objektif iaitu:

Pertama: Memberikan bantuan segera kepada golongan yang paling terkesan yakni penjaja, peniaga kecil, penarik beca, pemandu pelancong, pemandu teksi dan *e-hailing*, Orang Kurang Upaya (OKU) dan kumpulan B40;

Kedua: Mengupayakan golongan pekerja untuk berdiri semula dan meneruskan usaha menjaga diri, keluarga serta membangunkan negeri melalui produktiviti;

Ketiga: Membolehkan kelangsungan perniagaan atau *business continuity* di Pulau Pinang bagi memastikan ekonomi negeri akan terus dibangunkan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Saya berharap bantuan Kerajaan Negeri ini dapat dimanfaatkan oleh semua penerima dan meringankan sedikit sebanyak beban yang ditanggung oleh rakyat untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua wira barisan hadapan terutamanya Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), RELA, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan semua Jabatan dan Agensi Kerajaan yang terlibat dalam misi pencegahan dan penularan wabak COVID-19. Amanah dan tanggungjawab serta komitmen yang tinggi yang telah diberikan pasukan barisan hadapan dalam memastikan Malaysia amnya dan Pulau Pinang khususnya bebas wabak COVID-19. Hanya Tuhan yang dapat membalasnya. Sesungguhnya anda semua adalah wira kami.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Tahun 2019 merupakan tahun yang memberangsangkan bagi Pulau Pinang dari segi pelaburan. Walau bagaimanapun, kini perhatian serius perlu diberikan kepada pandemik COVID-19 dan kesannya terhadap pelaburan dan rantai pembekalan (*supply chain*) global. Berdasarkan pengumuman-pengumuman korporat, kebanyakan syarikat dijangka menghadapi pertumbuhan yang perlahan dalam tempoh enam (6) bulan pertama tahun 2020. Kebanyakan syarikat di Pulau Pinang secara langsung atau tidak langsung terkesan dari segi rantai pembekalan. Kerajaan Negeri perlu terus meningkatkan usaha untuk memperkasa dan menggalakkan pelaburan tempatan dan luar negara sama ada dalam bentuk pelaburan baharu dan pelaburan semula di Pulau Pinang bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri.

Begitu juga dengan industri pelancongan bagi tahun 2020 yang dijangka turut menerima impak besar daripada COVID-19 ini. Berikutan itu, Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan bagi jangka masa pendek dan panjang yang dirangka Kerajaan Negeri melalui *Penang Global Tourism* (PGT) perlu mengambil kira semua perkara agar dapat meningkatkan kembali pertumbuhan industri pelancongan Pulau Pinang.

Lazimnya, penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pulau Pinang adalah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Walaupun demikian, sektor pertanian juga memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negeri kita. Kerajaan Negeri perlu membantu dan memberi dokongan kepada para peladang, penternak dan nelayan terutamanya dalam menghasilkan produk tertumpu (*niche*) selain berusaha mencapai seratus peratus (100%) Tahap Sara Diri (*Self Sufficiency Level*). Penggunaan teknologi moden seperti *Internet of Things* (IoT) di era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) perlulah dipertingkatkan dan menjadi amalan peladang, penternak dan nelayan agar meningkatkan produktiviti serta pasaran hasil tanaman, ternakan dan perikanan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Pada tahun 2019, lambakan sisa plastik, kemerosotan kualiti air sungai dan laut serta pembuangan sampah secara haram merupakan antara isu alam sekitar yang utama di Negeri Pulau Pinang. Jabatan dan agensi yang berkaitan telah pun menambahbaik peranan masing-masing untuk mengawal punca-punca pencemaran dan menangani aduan pencemaran alam sekitar serta mengukuhkan pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan. Kerjasama antara jabatan dan agensi ini hendaklah sentiasa diperkukuhkan selain daripada hubungan baik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah penting untuk menangani isu-isu pencemaran di Negeri Pulau Pinang.

Pembangunan bakat atau *talent management* dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) masih menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Lebih daripada 200 program pendidikan bagi mempromosi

bidang sains dan teknologi kepada golongan pelajar di Pulau Pinang telah diadakan pada tahun 2019. Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah menganjurkan sejumlah 450 program dalam bidang STEM sebagai usaha untuk menyediakan modal insan berkemahiran tinggi bagi menyokong ekonomi digital dan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Selain itu, perkhidmatan Perpustakaan Digital yang berada di Daerah Timur Laut (DTL) juga telah diperluaskan ke Daerah Barat Daya (DBD) dengan kewujudan PDL @Batu Maung yang terletak di dalam bangunan *Southbay Plaza* dan telah dilancarkan pada 2 November 2019. Begitu juga dengan Projek *Penang Digital Library Butterworth* yang telah siap pada 16 Disember 2019 dan kini turut dapat dimanfaatkan oleh penduduk di Seberang Perai.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Gelandangan merupakan isu yang rumit untuk diselesaikan oleh mana-mana kerajaan baik di peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri. Menyedari perkara tersebut, saya mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk membina Pusat Transit Gelandangan bagi membendung dan menangani isu gelandangan yang dilihat semakin meningkat di negeri ini.

Terima kasih kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kerana menyediakan bangunan miliknya untuk projek ini di Jalan C.Y. Choy.

Aspek perumahan adalah intipati kepada kebahagiaan sesebuah keluarga. Saya amat bangga dengan pencapaian Kerajaan Negeri semenjak 2008 hingga kini telah berjaya memastikan sebanyak 30,191 Rumah Mampu Milik A, B dan C siap dibina manakala 24,096 unit pula sedang dalam pelbagai fasa pembinaan dan 51,000 unit pula berada di peringkat perancangan.

Penglibatan masyarakat dalam bidang sukan bukan sahaja memberi manfaat kepada kesihatan fizikal dan mental, malah turut menjadi platform kepada integrasi nasional dan seterusnya membantu dalam pembangunan negara. Program 'Sukan Untuk Semua' oleh Kerajaan Negeri dilihat mampu menggalakkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti sukan. Dengan adanya program Sukan Untuk Semua ini, diharap semua jenis sukan akan dapat diperkenalkan kepada masyarakat sekaligus mendekatkan masyarakat dengan sukan.

Generasi belia merupakan sumber terbesar dalam negara dan golongan ini berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Keupayaan mengembleng tenaga golongan belia akan menentukan kekuatan dan ketahanan pembangunan sosial, ekonomi dan politik negeri dan negara. Inisiatif "Belia Untuk Masa Depan" yang dilancarkan pada bulan November 2019 merupakan satu perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk pembangunan belia dan anak muda di Pulau Pinang. Pelbagai program telah dilaksanakan di bawah inisiatif ini bagi mempersiapkan golongan belia dalam

menghadapi cabaran masa depan serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Negeri Pulau Pinang sentiasa menghargai peranan yang dimainkan oleh golongan wanita dalam institusi keluarga dan pembangunan negara. Saya menghargai komitmen Kerajaan Negeri dengan mengadakan pelbagai program Sempena Bulan Sambutan Hari Wanita Sedunia pada tahun 2019 selain melaksanakan program *Penang Goes Orange* (PGO) bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak yang diadakan sepanjang bulan November 2019. Selain itu, pujian wajar diberikan atas usaha dan inisiatif Kerajaan Negeri dalam menubuhkan jawatankuasa khas untuk wanita di peringkat komuniti yang dipanggil Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) di semua 40 KADUN Negeri Pulau Pinang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Pembangunan mampan sesebuah negeri bergantung kepada sesuatu pelan perancangan pengangkutan yang sistematik dan realistik. Ia memberi impak besar kepada kadar pertumbuhan ekonomi, *liveability* dan *sustainability* sebuah bandar. Pelan perancangan sedemikian bukan sahaja perlu lebih mudah dan cepat sebaliknya perlu *reliable*, *sustainable* dan *feasible*. Oleh yang demikian, Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri mempunyai nilai yang amat penting kepada masyarakat Pulau Pinang. Pembangunan rangkaian jalan raya dan pengangkutan awam bersepadu yang akan meningkatkan kesinambungan serta aksesibiliti antara kawasan Pulau dengan Seberang Perai dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang teguh dan mampan di negeri ini.

Penang South Reclamation (PSR) iaitu cadangan penambakan tiga (3) buah pulau seluas 4,500 ekar di selatan Pulau Pinang merupakan projek Kerajaan Negeri sebagai projek transformasi ekonomi Pulau Pinang kepada sebuah hab perkhidmatan dan pembuatan antarabangsa yang teguh. Projek tambakan ini akan dimiliki oleh Kerajaan Negeri untuk membantu dalam isu pengurangan tanah yang dihadapi oleh Pulau Pinang. Perancangan penambakan ini dilihat dapat merancakkan lagi industri *Electrical & Electronics* (E&E) selain mewujudkan perumahan mampu milik yang moden bagi pekerja-pekerja industri dan penduduk Pulau Pinang secara amnya. Sebahagian daripada pelan penambakan ini juga dirancang sebagai sebuah bandar pintar yang mempunyai kemudahan fasiliti moden seperti pusat konvensyen, industri perubatan pelancongan (*medical tourism*), hab pendidikan dan inovasi yang dilihat akan dapat menarik minat pekerja mahir dan profesional seperti di bandar-bandar maju yang lain. Projek-projek ini akan ditender pada akhir tahun 2020 dan dijangka kerja tambakan laut bermula pada awal tahun 2021.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Di Pulau Pinang, saya bersyukur kerana Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan telah membina banyak masjid baharu serta menaiktaraf atau membina baharu masjid yang telah uzur. Antara masjid-masjid baharu yang telah siap adalah seperti Masjid Bukhary, Masjid Jamek Kampung Banggol dan Masjid Jamek Kampung Rawa untuk kegunaan ahli kariah di kawasan berkenaan.

Institusi pendidikan Agama Islam merangkumi Sekolah Agama Rakyat (SAR), Kelas KAFA, Maahad Tahfiz, Pusat Tahfiz, Sekolah Rendah dan Menengah Tahfiz, pondok-pondok pengajian tradisional serta Sekolah Rendah dan Menengah Agama Rakyat kini berjumlah 372 buah di Negeri Pulau Pinang. Besarlah harapan saya agar Kerajaan Negeri akan terus prihatin dengan perkembangan pendidikan Agama Islam dan sentiasa diperkasa pada masa hadapan.

Saya juga mengharapkan agar usaha membendung ancaman akidah dan ajaran-ajaran yang bertentangan dengan agama Islam sentiasa diberi perhatian. Tugas dan amanah dalam melaksanakan 'amar makruf nahi munkar' ini hendaklah digalas dengan sikap yang positif, yakin, tegas dan berhikmah agar selari dengan konsep melahirkan '*Khaira Ummah*' di Pulau Pinang.

PENUTUP

Sebagai rumusan, adalah menjadi harapan saya untuk melihat Ahli-Ahli Yang Berhormat bersama semua warga kerja perkhidmatan awam, swasta dan rakyat Negeri ini menggembeng tenaga serta daya fikir untuk menyumbang ke arah perancangan pembangunan negeri yang lebih baik dan inklusif.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas komitmen dan sumbangan oleh seluruh Anggota Perkhidmatan Awam, Anggota Pasukan Keselamatan khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta semua pihak yang terlibat dalam menyumbang ke arah pembangunan, keamanan dan kemakmuran serta kesejahteraan rakyat Negeri Pulau Pinang.

Akhir kata, saya mendoakan agar Allah S.W.T. sentiasa melimpahkan rahmat-Nya kepada kita semua serta melindungi Negeri yang tercinta ini dari sebarang unsur negatif supaya kita terus maju, makmur dan mendapat perlindungan dari Yang Maha Esa.

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Keempat Belas.

Selamat Bersidang di Dewan Yang Mulia Ini.

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Tun akan meninggalkan Dewan ini sebentar lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan dan akan sambung bersidang pada jam 10.10 pagi

Setiausaha Dewan:

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri meninggalkan Dewan Persidangan

Dewan ditangguhkan pada jam 10.00 pagi

Dewan disambung semula pada jam 10.10 pagi

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Pengumuman oleh Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula dan sedikit pengumuman daripada saya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, seorang bekas Ahli Dewan Undangan Negeri telah meninggal dunia iaitu Allahyarhamah Puan Siti Faridah Binti Arshad telah meninggal dunia pada 19 Februari 2020. Allahyarhamah telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Teluk Bahang dari tahun 2002 sehingga 2008.

Oleh yang demikian, para hadirin saya mohon untuk bertafakur selama satu (1) minit. Para hadirin diminta berdiri.

[Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri untuk bertafakur selama satu (1) minit]

Para hadirin sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, pada sesi ini Dewan akan menimbangkan 59 Soalan Lisan, 540 Soalan Bertulis, Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

Setiausaha Dewan:

Pembentangan Risalah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan, Risalah Bilangan 1 hingga 3 Tahun 2020 seperti mana yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

Setiausaha Dewan:

Soalan-soalan. Soalan Bertulis.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis telah diletakkan di atas meja ahli yang bertanya selaras dengan Subperaturan 15(1)(h) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

Setiausaha Dewan:

Soalan lisan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada kebiasaannya urusan Dewan yang seterusnya adalah sesi Soalan Lisan. Namun oleh kerana situasi yang kita alami sekarang ini iaitu masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), maka saya berhasrat untuk melangkau turutan ini. Oleh yang demikian, saya mohon agar jawapan kepada Soalan Lisan diberikan secara bertulis.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada Soalan-soalan Lisan akan diletak di atas meja Ahli-ahli yang bertanya dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

Setiausaha:

Usul daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa kami, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Keempat Belas pada 17 April 2020”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong usul ini?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Perai. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berada dalam Sesi Perbahasan Usul Ucapan Terima Kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas pada pagi ini 17 April 2020.

Namun oleh kerana penularan Wabak COVID-19 serta pematuhan akan Perintah Kawalan Pergerakan, maka saya memutuskan untuk mengehendkan sesi perbahasan pada kali ini.

Oleh yang demikian, saya memberi ruang kepada Ketua Pembangkang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul.

Dipersilakan Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.
Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillahirrabil'alamin.*

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri,

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

Rakan-rakan Ahli Yang Berhormat,

Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah Pertamanya bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin, limpah rahmat dan inayah-Nya. Kita masih diberikan kesempatan dan kesihatan untuk kita sama-sama hadir di Dewan yang mulia pada pagi untuk kita meneruskan tugas dan tanggungjawab kita.

Walaupun kita berada di rumah agak sekian lama, rakyat terutama. Macam-macam fikiran yang terganggu tapi kita masih lagi boleh terus meneruskan agenda kita, *Insyah-Allah*.

Keduanya kita bersyukur kerana wabak COVID-19, penularan wabak COVID-19 di negeri Pulau Pinang berada di tahap yang tidak begitu membimbangkan, tidak begitu kritikal. Kalau kita lihat laporan yang semalam yang terakhir semalam, kita cuma terdapat 119 kes yang kumulatif atau keseluruhan. Satu (1) kematian, tidak ada kes baru dan kita kes aktif cuma 119 dan terus berharap semoga dalam masa dua (2) minggu ini tidak ada kes baru dan kemungkinan kita boleh masukkan ke dalam Zon Hijau, zon yang agak kurang kes baru.

Begitu juga di peringkat negara terdapat penurunan kes-kes baru walaupun tidak begitu tinggi dan yang pentingnya penyembuhan, kita antara negara yang tertinggi dari segi penyembuhan kes-kes COVID ini dan juga dari segi kematian juga agak tidak begitu tinggi berbanding negara-negara jiran kita yang dekat Indonesia dan juga Filipina. Kita cuma 84 kes kematian.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan pada pagi ini untuk menyampaikan ucapan perbahasan, Cuma saya akan fokuskan lebih kepada isu COVID-19. Sekalung penghargaan dan terima kasih atas ucapan yang telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Tun sebentar tadi dan juga ucapan yang diberikan.

Juga tidak lupa ucapan jutaan terima kasih di atas kepercayaan kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam melantik saya bersama-sama menganggotai Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri Pulau Pinang bersama kepimpinan Negeri dan juga Jabatan/Agensi. Ini merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan yang amat bermakna pada saya dan juga pihak Pembangkang.

Kepada Kepimpinan Negeri yang diketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri, Barisan EXCO, Pentadbiran Kerajaan Negeri, Majlis Keselamatan Negeri dan semua Jabatan/Agensi yang telah menyusun strategi dengan segera dan juga melaksanakan perang melawan COVID-19, syabas dan tahniah. Tahniah juga kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang telah turun padang, saya nampak banyak gambar-gambar turun padang, saya pun telah diberi amaran oleh Pihak Berkuasa kerana tidak boleh terlalu hampir, *social distancing*...(dengan izin) terlalu dekat, tidak boleh terlalu dekat. Tahniah kepada rakan-rakan yang telah turun menyampai bantuan dan sebagainya. Dan juga syabas kepada Barisan Hadapan (*Frontliners*) yang menjalankan tugas dengan cemerlang tanpa memikirkan keselamatan dan juga masa dan juga masalah risiko yang perlu dihadapi.

Apabila negara kita dilanda COVID-19 ini, tugas sebagai Wakil Rakyat pastinya semakin mencabar. Kerana kalau bencana banjir kita cuma menghadapi dalam masa yang singkat. Tapi kalau bencana COVID-19 ini kita telah menjalaninya selama 29 hari hingga ke hari ini, nak dekat sebulan dan kita terpaksa juga menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan. Kita sama-sama Yang Berhormat juga terpaksa mengikuti perintah lagi yang memerlukan kita berada kawasan atau di rumah masing-masing. Kita tidak pasti sejauh mana perintah ini akan dilaksanakan dan kita mengharapkan supaya ianya dapat mencapai tahap yang lebih baik secepat mungkin supaya kita dapat terus melaksanakan aktiviti-aktiviti kepada rakyat dengan lebih baik.

Dalam masa yang sama ini, pada masa ini juga lah rakyat akan menilai, menilai kemampuan kita sebagai wakil rakyat dan juga menilai kepimpinan dan pentadbiran Kerajaan Negeri dan ini adalah perkara penting yang perlu kita lihat bersama-sama supaya segala masalah yang ada di akar umbi dapat kita dengari bersama-sama, dapat kita selesaikan masalah yang ada semampu yang mungkin. Kita tidak mampu untuk menyelesaikannya 100%, kita cuba untuk menyelesaikannya sebaik mungkin supaya tidak dapat mereka yang tertinggal dalam bantuan yang kita salurkan, Pakej Bantuan Rakyat yang kita salurkan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kita bersama-sama mengikuti perkembangan berkenaan wabak COVID-19 setiap hari dari masa ke semasa sepanjang PKP dilaksanakan. Saya mendapati bahawa kita di peringkat Negeri Pulau Pinang telah mengikut saranan-saranan daripada peringkat Kerajaan Persekutuan untuk bersama-sama bekerja dan berusaha bagi memastikan musuh utama negara pada hari ini dapat kita ditumpaskan.

Kerajaan Persekutuan telah membentangkan Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin Rakyat bernilai RM250 bilion dan tambahan sebanyak RM10 bilion untuk PKS dan juga pekerjaan kepada 2 juta rakyat. Ini merupakan satu pakej yang begitu baik dan kita amat menghargainya, kita sama-sama menghargai kerana ia memberi faedah kepada semua rakyat yang layak untuk menerima bantuan

dan juga sumbangan yang telah disalurkan dan akan disalurkan. Saya juga melihat bahawa kita, diperingkat Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah sama-sama bekerja dan berusaha untuk memastikan COVID ini dapat kita tangani dengan baik dan Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan dengan mengumumkan Pakej Bantuan Rakyat sebanyak RM75 juta.

Pakej ini saya lihat merangkumi 18 pecahan iaitu yang pertamanya bantuan langsung (*one-off*) terdapat 8 bantuan langsung termasuk bantuan yang telah disalurkan oleh Pihak Zakat Pulau Pinang yang agak banyak kepada masyarakat pada masjid dan surau dan sebagainya. Juga Peruntukan Khas kepada ADUN, satu pecahan dan saya bagi pihak rakan-rakan Yang Berhormat sekalian, termasuk Pembangkang kita amat berterima kasih di atas peruntukan yang disalurkan, kerana peruntukan itu pun tiba pada masa yang cukup kena, masuk saja kita dah boleh salurkan peruntukan sebanyak RM30,000. Terima kasih kepada pihak kerajaan.

Yang ketiga, pengecualian sewa rumah premis perniagaan. Terdapat dua (2) pecahan. Yang keempat, insentif kepada *Frontlines*, peralatan dan sebagainya termasuk pihak petugas Majlis Bandaraya dan juga yang kelima penangguhan pinjaman sewa beli cukai dan sebagainya satu (1) pecahan.

Di kesempatan ini juga, saya ingin membangkitkan atau mencadangkan beberapa perkara yang saya lihat perlu diambil tindakan penambahbaikan untuk kepentingan rakyat di Pulau Pinang. Berkaitan dengan COVID ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan secara *one-off* kepada peniaga kecil dan juga penjaja berlesen dan pihak Zakat Pulau Pinang juga telah menyediakan usaha bantuan *one-off* ini untuk faedah semua peniaga kecil dan penjaja.

Alhamdulillah, saya yakin kumpulan terlibat pastinya sudah mula membuat permohonan dan hanya menanti masa untuk menerima bantuan tersebut dan saya dengar yang Zakat dah ada yang terima bantuan *one-off*. Cuma isu yang saya nak sentuh di sini adalah pertamanya isu bantuan kepada peniaga kecil, penjaja yang tidak berlesen dan pengusaha industri makanan kecil-kecilan. Jadi saya melihat kumpulan ini juga terkesan, yang paling terkesan dan situasi pada hari ini menghadkan aktiviti perniagaan. Sudah tentu mereka yang terjejas dan mereka ini juga turut terjejas kerana hilang pendapatan, tidak dapat berniaga secara kecil-kecilan dan sebagainya tidak dapat membuat kuih dan sebagainya.

Kita perlu melihat satu jalan, satu kaedah untuk kita memberi selain daripada bantuan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri juga. Kita juga perlu melihat satu kaedah untuk memberi bantuan kepada kumpulan-kumpulan ini, pengusaha-pengusaha kecil makanan, penjaja-pejaja kecil, peniaga kecil yang tidak mempunyai sumber pendapatan langsung, ini yang banyak di kawasan luar bandar yang kita perlu kita lihat.

Yang keduanya, tentang Sektor Perniagaan yang tidak dapat dijalankan

ataupun perniagaan individu. Contohnya kita kata perniagaan berkaitan dengan pengangkutan lori, contohnya. Yang ia bergantung kepada industri ataupun kilang-kilang yang melaksanakan aktiviti. Bila kilang ini tutup dan sebagainya, pengusaha lori ini tidak dapat menjalankan perniagaan dan tidak ada bantuan.

Macam Kerajaan Negeri dia bagi untuk *tourism*, untuk pelancongan, pemandu pelancong, untuk *e-haling* dan sebagainya. Tapi golongan ini tidak termasuk dalam bantuan tersebut termasuk lah mereka yang bekerja kontrak pembersihan. Dia kerja kontrak bersih sekolah contohnya, dia tidak bekerja bila sekolah ditutup, pejabat ditutup dia tidak ada kerja dan perlu mendapatkan pendapatan lain. Selain daripada pendapatan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri yang ada kaitan dengan zakat dan sebagainya. Kita perlu juga melihat mereka ini perlu mendapat satu bentuk *one-off* yang lebih baik supaya dia pendapatan untuk menyara keluarga dalam tempoh PKP ini.

Saya sekali lagi mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk melihat dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membantu kumpulan-kumpulan ini bagi kita sama-sama menyelesaikan masalah keputusan atau terputusnya pendapatan bagi mereka yang terlibat.

Yang ketiga, Pakej Bantuan Rakyat kepada pengusaha sektor pertanian. Jadi Pertanian adalah merupakan sektor agak penting yang keempat rasanya yang kelima terpentingnya di Pulau Pinang selepas Perindustrian, Pelancongan dan Perkhidmatan. Jadi mereka yang terlibat dalam pembekalan bahan makanan ini termasuk sayur-sayuran, daging, ayam, telur dan sebagainya tanaman padi, petani, pesawah, penternak, nelayan dan sebagainya. Jadi mereka ini tidak dapat melaksanakan aktiviti secara yang lebih berkesan semasa perintah COVID termasuklah penanaman padi. Pesawah padi menghadapi masalah, pertamanya masalah berkaitan dengan air. Air tidak mencukupi. Air daripada Kedah, daripada Sungai Muda tidak mencukupi untuk pengairan di kawasan bendang. Jangkaan awal pada 1hb April untuk pelepasan air ditunda daripada bulan Mac ke bulan April masih belum ada air dan ini menimbulkan masalah. Petani di kawasan sebelah Penaga dan sebagainya telah mula mengerjakan tanah. Telah mula membuat kerja-kerja awalan dan pembelian bahan-bahan pertanian. Jadi bila terdapat penundaan tarikh ini dan sekarang ditunda ke 1hb Mei.

Petani ini dah mengeluarkan kos untuk kerja-kerja awalan, pembelian peralatan yang terlibat di kawasan-kawasan tertentu. Jadi dia dah habiskan wangnya untuk pembajakan dan sebagainya. Tapi jadual itu tertunda dan dia dah tak ada modal lagi untuk dia menyara keluarganya dan ini menimbulkan masalah. Dari segi ini, termasuklah nelayan, nelayan juga tidak dapat ke laut mungkin dapat ke laut dalam seminggu dalam empat (4) hari, Jumaat, Sabtu, Ahad tidak dapat pada peringkat PKP yang awal dulu. Jadi ini menimbulkan masalah kepada nelayan. Begitu juga pada penanam sayur dan sebagainya.

Saya ingin mencadangkan di sini, supaya pertamanya kita menyelesaikan isu bekalan air di sawah padi bersama dengan penyelesaian isu bekalan air domestik. Air domestik juga menghadapi masalah. Saya dengar dah ada masalah yang agak kritikal juga dari segi tahap simpanan air di empangan dan sebagainya. Jadi kita kena memberi keutamaan kepada menyelesaikan masalah-masalah bekalan air ini termasuk air pertanian dan juga domestik. Jadi saya ingat, mencadangkan supaya kita berbincang dengan Negeri Kedah, saya rasa ini telah dibuat dan juga kita membuat pembenihan awan. Jadi saya rasa pihak CM, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dah setuju untuk kita buat pembenihan awan. Jadi terima kasih untuk kita pastikan air di hulu gunung ada, hujan turun di sana. Hujan turun di Pulau Pinang tak dak makna. Hujan kena turun di sana baru sampai ke sini.

Mungkin kita perlu menambah bekalan pam bergerak dalam bajet kita nanti untuk kita tambah pam bergerak kerana pam yang agak perlu bila keadaan kritikal, air tak mencapai tahapnya. Tak mencapai tahap yang diperlukan ia rendah daripada tahap yang perlu, ia kena perlu pam untuk kita pam. Jadi kita perlu tambah pam ini kepada pihak JPS dan juga pihak IADA untuk diuruskan termasuk juga Jabatan Pertanian. Kita juga perlu mengkaji sesuai atau tidak menggunakan teknologi *deep tubewell*...(dengan izin). Perlukah kita buat *deep tubewell* untuk, ini cadangan saya dengan JPS, sebab JPS cadangkan kita buat perancangan untuk buat *deep tubewell* yang boleh membekalkan air.

Jadi terima kasih kepada pihak JPS, IADA dan juga Pertanian yang telah melaksanakan aktiviti pengepaman air dan sebagainya hingga selesai masalah musim lepas. Masalah musim lepas, air juga menjadi masalah tapi diusahakan secara pam dan sebagainya di kawasan sebelah Paya Keladi dan sebagainya jadi selesai masalah pada masa itu. Timbul masalah baru pula, dan kita tak mau masalah ini berterusan dimasa-masa yang akan datang.

Kedua, isu penetapan jadual bekalan air perlu dimaklumkan segera kepada petani. Kalau kita tunda, kita kena bagi tahu awal supaya ia tak menjadi masalah pada petani yang perlu menurunkan modal awal untuk pelaksanaan tanah sawah.

Ketiga pemasaran hasil pertanian juga perlu diatur, disusun, saya minta pihak kita membincangkan bersama untuk memasarkan dalam tempoh COVID ini kerana terdapat juga lambakan-lambakan sayur dan sebagainya di kawasan-kawasan itu kerana pergerakan agak terhad dan dia menimbulkan masalah kepada mereka yang mengusahakan aktiviti ini.

Begitu juga dengan industri asas tani, berasaskan makanan. Prosesan makanan juga sekarang ini kuih-kuih dan sebagainya telah mula menghadapi boleh mengeluarkan, tak boleh mengeluarkan dan ini kita perlu kita fikirkan apa faedah yang boleh kita membantu mereka yang terlibat.

Yang keempat tentang isu kaedah permohonan Pakej Permohonan

Bantuan Rakyat. Kita amat menghargai usaha yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menyediakan Pakej Bantuan Rakyat ini termasuklah pihak Zakat. Cuma yang menjadi masalahnya semua kita kena buat *online*, tak boleh kita nak ke pejabat-pejabat ditutup dan sebagainya. Permohonan *online* ini kadang-kadang menimbulkan masalah kepada sebahagian peniaga-peniaga dan sebagainya yang nak mohon *online*. Di pejabat saya hari tu, penuh orang kampung, peniaga mai untuk isi *online* zakat dan lepas ni mungkin akan jadi masalah. Dia tak pandai nak buat *online*, nak klik tu, klik ni, abis tu nak *send* dan sebagainya.

Jadi dia jadi masalah, kalau boleh kita fikirkan lah satu kaedah cara macam mana untuk membantu penduduk menyelesaikan. Kalau boleh kita buat *hardcopy* di pejabat mana-mana ka, di pejabat saya pun ada *hardcopy*, kita *print hardcopy*, dia mai, dia ambil, dia balik isi di rumah, esok dia mai kita tolong *key in*. Masuk seorang-seorang lah. Tolong *key in* untuk dia, dan dia tak mampu untuk buat dan ini kadang-kadang menyebabkan dia tak mohon, dia tak mohon dan dia tak dapat bantuan yang disediakan.

Dan yang kelima tentang isu pembayaran bil bekalan air. Ini yang terakhirlah, masa pun terhad. Isu pembekalan bil air, dalam masa Perintah Kawalan Pergerakan ni, semua orang duk di rumah. Anak-anak sekolah, balik universiti, yang cuti, ayah pun duk rumah tak keluar mana, menghadap hari-hari duk di rumah dan bekalan air itu, penggunaan air semakin bertambah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kerap cuci tangan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Kerap cuci tangan, kerap mandi dan mungkin bertambah dari segi penggunaan air di rumah daripada biasa lah. Dia akan ada pertambahan, peningkatan. Jadi bil juga akan meningkat dan pihak TNB saya rasa dah mengumumkan untuk bagi diskaun pada mereka yang bil sehingga sekian-sekian 25%, bil 70 ke 100 ka, 25% dan yang paling tinggi bil dia 2%. Jadi kalau boleh PBA juga memikirkan macam mana kita nak bagi sedikit kelonggaran dan diskaun, nak tolak *surcharge* ka, sementara dalam tempoh PKP ni supaya beban itu juga berkurangan pada mereka yang nak membayar bil air yang mungkin akan meningkat penggunaannya.

Sebelum saya terlupa, ditambah lah satu lagi kumpulan pengusaha bas sekolah dan bas pelancongan. Saya rasa ini juga mereka yang perlu diberikan perhatian oleh kita kerana mereka langsung tidak ada pendapatan dalam masa sebulan ni, bas sekolah dan juga bas pelancongan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terdapat saranan daripada

Penasihat Khas Pelaburan kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, iaitu Tuan Lee Kah Choon iaitu supaya mengesa kerajaan membenarkan pekerja kembali bekerja. Jadi saya dalam *Facebook* saya bukan saya menolak cuma saya mencadangkan supaya kita dalam tempoh ini mengikut peraturan dan juga arahan.

Ada industri-industri yang kita boleh buka, bukan semua industri ditutup ada industri yang boleh dibuka. Saya rasa seluruh Malaysia dah 600 lebih yang boleh dibuka yang diluluskan oleh pihak MITI dan sebagainya. Jadi kita tak boleh dalam tempoh COVID ini kita tak boleh nak buka semua. Jadi saya menganggap bahawa pandangan itu kita boleh melaksanakan cuma berpandu kepada keperluan-keperluan dan juga kelulusan-kelulusan kerana kita melihat bahayanya lebih. Macam kedai gunting rambut lah, saya cadangkan dalam Mesyuarat JKKN supaya kedai gunting rambut tidak dibuka. *Alhamdulillah*, diterima di peringkat *federal*, saya kata tak boleh, bahaya gunting rambut ni, memang cukup bahaya, jadi *Alhamdulillah* tak dibuka. Ramai saya tengok YB. pun rambut panjang, tak gunting.

Jadi tentang tadi tu, kalau boleh kita ikut lah. Kita bukan nak, kerana banyak kemudahan dah disediakan oleh kerajaan termasuk Persekutuan dan Negeri kepada industri ini. Kalau dia tak boleh bekerja, dia dapat duit sebanyak RM600 melalui, kalau dia tak dapat, tak dak gaji lah, dia cuti tanpa gaji, dia dapat. Dia boleh keluarkan EPF mungkin kalau diperlu untuk belanja seharian dalam tempoh PKP. Jadi tak perlu kita meneruskan dia supaya bekerja kilang itu dibuka semua dalam tempoh masa tertentu dan sebagainya kerana ini akan menimbulkan masalah kepada penularan wabak COVID ini mungkin akan berlaku dengan lebih besar lagi. Ada masa lagi? Boleh?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Tidak semua rakyat dapat menikmati kehidupan yang sempurna. Masih ada di kalangan mereka yang hidupnya perlu dibantu. Sebagai Ketua Pembangkang, saya sedar bahawa di saat ini kita perlu bersama atas dasar keprihatinan terhadap nasib rakyat, kita perlu hentikan dan saya rasa di Kerajaan Negeri Pulau Pinang dah hentikan. Soal politik, kepartian dan sebagainya. Kita juga dalam memberi bantuan, menghulurkan kepada semua pihak. Di setiap kampung, *Alhamdulillah* di kawasan-kawasan lain juga, bukan hanya bantuan daripada kita, Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan kita juga menerima bantuan daripada pihak-pihak yang lain, pihak Zakat, pihak masjid surau, pihak tokong, kuil, gereja, pihak NGO yang begitu banyak membantu.

Saya nampak bahawa di kawasan kita tidak timbul masalah, tidak ada makan dan sebagainya. Walaupun ada kes-kes terpencil yang berlaku, yang sampai laporan, cepat-cepat lah kita pi tengok. Ada laporan saja, YB.-YB. kita yang prihatin semua ni, kita pi tengok lah cepat-cepat selesaikan masalah-masalah. Saya rasa gelandangan juga telah diselesaikan masalah di peringkat Pulau Pinang. Jadi kita perlu berganding bahu. Petang ni pun saya ada bagi

bantuan dengan pihak MPKK turun ke kampung, satu kampung untuk bersama dengan MPKK turun bagi bantuan. Terima kasih kerana semua 18,000 penerima, 18,000 lebih penerima JKN akan diberikan bantuan, mula diberikan bantuan pada semalam berterusan sehingga selesai. Ini saya rasa satu pendekatan yang cukup baik kerana kita memberi kepada orang yang betul-betul memerlukan. Sebab kita sedia maklum, rakyat kita ni kadang-kadang had tak layak pun dia mohon.

Satu rumah di kampung, di kawasan saya dapat tujuh (7). Saya masuk rumah dia, ada tujuh (7) kampil beras, tujuh (7) bantuan dia dapat. Daripada saya, daripada MPKK, daripada surau, daripada masjid, daripada NGO, dia dapat tujuh (7). Saya kata tujuh (7) ni boleh bagi kat enam (6) orang lain ataupun lima (5) orang lain yang lebih memerlukan. Ini kita kena pastikan, kita selaraskan dari segi senarai. Kalau boleh kita letakkan kepartian di sebelah, kita selaraskan bersama. Senarai daripada pihak Kerajaan Negeri MPKK, senarai daripada kita, masjid, surau dan sebagainya kita selaraskan supaya tidak berlaku pertindihan. Pertindihan ni yang kadang-kadang menimbulkan masalah. Orang yang kadang-kadang susah ni dia tak mai, dia malu nak mai minta dan sebagainya. Dia kata “tak payah la, cukup la yang ada”. Tapi yang minta ni kadang-kadang orang yang mampu, dia rasa dia pun patut dapat dalam COVID ni dia patut dapat juga. Dia mampu pun dia mohon, dia nak juga. Ini yang kadang-kadang kita sebagai Yang Berhormat kena pandai guna budi bicara untuk menyelesaikan isu ini.

Jadi saya juga sebagai pengakhirnya, di kesempatan ini, saya selaku Ketua Pembangkang mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di Pulau Pinang yang saya rasa telah bekerja siang malam untuk membantu rakyat di Pulau Pinang di kawasan masing-masing.

Jutaan terima kasih sekali lagi kepada kepimpinan Kerajaan Negeri atas semua sokongan serta bantuan yang telah disalurkan kepada rakyat sama ada secara terus mahupun melalui Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Terima kasih juga kepada pelbagai pihak yang turut menghulurkan bantuan kepada rakyat di Pulau Pinang yang terkesan oleh ancaman wabak COVID seperti pihak masjid, surau, tokong, kuil, gereja dan sebagainya. Syarikat-syarikat swasta juga turun, Pertubuhan Bukan Kerajaan yang banyak membantu, individu-individu dan juga lain-lain pihak yang terlibat.

Syabas, terima kasih sekalung penghargaan yang tak terhingga kepada semua petugas-petugas daripada pihak MKN, PDRM yang semakin tegas sekarang ni, dia dapat ja dia tangkap. Bila kita keluar tanpa ada kebenaran berkumpul dan sebagainya. Pihak ATM, RELA, JPAM, kakitangan Kesihatan yang paling utama berada di barisan hadapan yang telah membantu untuk pemyembuhan yang tinggi di Pulau Pinang. Kakitangan agensi Kerajaan Persekutuan yang lain dan juga negeri, pihak media, sukarelawan, penyumbang-penyumbang di atas jasa dan juga bantuan yang tidak dapat kita balas ini.

Akhirnya saya memohon maaf sekiranya ada tersalah atau menguris hati

mana-mana pihak bahawa percayalah saya tiada berniat sebegitu kerana kita sedang mendepani wabak COVID dan ini merupakan suatu yang lebih penting untuk kita hadapi bersama. Mari lah bersama-sama kita bergading bahu untuk membantu rakyat dan melawan memutuskan rantai COVID-19 ini.

Kita berusaha bersama untuk mendisiplinkan diri dan juga mendisiplinkan rakyat dalam tempoh PKP dan saya nampak dah mula menampakkan hasil yang positif pada hari ini dan kita sama-sama berdoa moga penularan wabak COVID ini dapat dikurangkan dan berjaya dihentikan dan kita sama-sama diberikan kekuatan mental dan fizikal dalam menghadapi cabaran yang amat berat.

Seterusnya kita mampu untuk meneruskan kehidupan dan membina kembali kehidupan dan ekonomi seperti sedia kala. Seperti mana saranan Tuan Yang Terutama Tun, saya harap kita di peringkat negeri juga melihat pelan jangka panjang ataupun pelan masa hadapan untuk kita memulihkan, memulihkan keadaan ekonomi dan juga perkara-perkara yang telah menghadapi masalah semasa COVID, kita kena susun seperti rancangan untuk memulihkan perniagaan dan sebagainya, peniaga kecil dan sebagainya itu kita perlu susun sebelum selesai COVID ni, kita dah susun, senarai jadual pelan jangka panjang untuk memulihkan ekonomi Negeri Pulau Pinang kita susun bersama-sama, *Insyah-Allah*.

Jadi teruskan lah kita membantu rakyat dan saya amat menyokong usaha-usaha sebegini selagi ianya mampu memenuhi keperluan rakyat Pulau Pinang dan bersama lah kita memerangi COVID-19, *'Penang Melawan COVID'*.

Sebelum saya akhiri, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan kepada umat Islam, kepada kaum muslimin dan muslimat. Jadi bulan puasa tahun ini, kita pakat-pakat sembahyang Terawih di rumah. Hak lelaki ni kena jadi Imam lah, tak boleh pi jemaah di surau masjid, kita kena jadi Imam di rumah, *Insyah-Allah*. Kena belajar-belajar lah untuk menjadi Imam di rumah. Dulu kita ikut orang ja jadi makmum. Jadi kita menghadapi bulan Ramadan dalam keadaan yang sebegini merupakan satu dugaan daripada Allah SWT. Satu dugaan yang perlu kita fikirkan kenapa berlaku dugaan yang semacam ini, mungkin ada perkara-perkara yang berlaku yang boleh mewujudkan, menimbulkan cabaran dan dugaan daripada Allah SWT. supaya kita berfikir apa kesilapan dan perkara yang telah kita buat selama ini.

Jadi selamat menyambut Ramadan, selamat meneruskan tugas dalam membantu rakyat, dalam tempoh COVID ini dan kita doakan semoga COVID ini akan pulih, akan dapat dihentikan dan kita dapat sama-sama meneruskan kehidupan kita dalam keadaan yang sedia kala, dapat meneruskan aktiviti, melaksanakan projek ekonomi dan sebagainya untuk masa depan Negeri Pulau Pinang ini.

Sekian, saya mohon menyokong. *Assalamualaikum Warahmatullah*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua, atas ucapan yang bernas. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berada dalam sesi Penggulungan Usul Ucapan Terima Kasih atas Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Dengan ini, saya ingin menjemput Y.A.B. Ketua Menteri untuk membuat penggulungan.

Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Padang Kota.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Yang Berhormat rakan-rakan EXCO Kerajaan Negeri,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

PENDAHULUAN

Hari ini merupakan hari yang ke-31 pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa sejak 18 Mac 2020. Walaupun menghadapi kekangan, namun Kerajaan Negeri perlu menuruti Perlembagaan Negeri Pulau Pinang, Perkara 19(1) untuk bersidang dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh sidang DUN sebelumnya yang mana tempoh enam (6) bulan ini akan tamat pada 7 Mei 2020.

Oleh yang demikian, dalam situasi pandemik COVID-19, persidangan kali ini dilaksanakan secara singkat selama setengah hari sahaja dan soalan-soalan lisan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri akan dijawab secara bertulis. Langkah-langkah pembasmian kuman di lokasi, penjarakan fizikal, pengukuran suhu badan telah dilaksanakan terhadap semua pihak yang menghadiri persidangan pada pagi ini.

SITUASI SEMASA

Pada hari ini, dunia sedang berhadapan dengan krisis yang amat buruk, bukan sahaja dalam aspek kesihatan bahkan dalam aspek sosial dan juga ekonomi ekoran daripada penularan wabak *Novel Coronavirus* atau lebih dikenali umum sebagai COVID-19. Ia merupakan sejenis virus baharu daripada keluarga *Coronavirus* yang hanya dikesan selepas penularannya di Wuhan, China pada bulan Disember 2019. Apa yang ditakuti, virus ini begitu mudah

sekali tersebar menjangkiti manusia dan menurut *World Health Organization* (WHO), ianya sepuluh (10) kali ganda lebih berisiko menyebabkan kematian berbanding virus H1N1.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

COVID-19 telah menyebabkan seluruh dunia berhenti secara serentak buat pertama kalinya sejak Perang Dunia Kedua. Tiada sesiapaupun yang bebas melakukan aktiviti harian mereka. Pengulas ekonomi, termasuk *International Monetary Fund* (IMF) bersetuju bahawa krisis ekonomi yang bakal dihadapi pasca COVID-19 ini adalah yang paling buruk sejak Zaman Kemelesetan ataupun *Great Depression* pada 1929. Tiada satu negara di dunia ini bersedia untuk menghadapi penularan wabak COVID-19 termasuklah kuasa-kuasa besar seperti China, Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah.

Sehingga semalam, iaitu 16 April 2020, jumlah kes terkumpul di seluruh dunia adalah sebanyak 2,029,930 kes dengan 136,320 kematian. Ia suatu angka yang begitu menakutkan. Di Malaysia pula, jumlah keseluruhan kes telah mencapai angka 5,182 dengan 84 kes kematian. Manakala, di Pulau Pinang, jumlah kes yang dicatatkan adalah sebanyak 119 dan kadar kematian masih kekal dengan hanya satu (1) kes.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak perlu mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (*Enhanced Movement Control Order - EMCO*) di mana-mana lokaliti di Pulau Pinang. Mengikut Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), situasi terkini kes COVID-19 adalah terkawal dan dipantau secara rapi di peringkat negeri melalui kerjasama erat antara agensi-agensi di bawah Jawatankuasa Task Force COVID-19 dan Jawatankuasa Keselamatan Negeri Pulau Pinang Berkaitan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Semua agensi kerajaan sedia maklum mengenai tanggungjawab serta peranan masing-masing dalam usaha menangani wabak ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat,

PENGHARGAAN TERIMA KASIH

Kita bersyukur kepada Tuhan bahawa jumlah kes di negeri boleh dikatakan rendah berbanding negeri-negeri lain. Ianya adalah hasil usaha gigih tanpa berputus asa dari semua petugas barisan hadapan (*frontliners*) untuk memastikan wabak COVID-19 ini dapat dibendung. Sesungguhnya, rakyat Pulau Pinang amat terhutang budi kepada *frontliners* ini. Justeru, pada kesempatan ini, dengan penuh keikhlasan saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat serta

pasukan RELA yang telah bertungkus-lumus melaksanakan tugas mereka.

Tidak lupa juga, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua jentera Kerajaan yang lain, Yang Berhormat ADUN kawasan, Ahli Parlimen, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya, MPKK, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak-pihak swasta dan individu perseorangan atas semua sumbangan serta tenaga yang dikerahkan dalam membantu Kerajaan Negeri menghadapi krisis COVID-19 ini. Sejak wabak ini menular, Kerajaan Negeri tidak putus-putus menerima sumbangan, baik dalam bentuk wang ringgit, makanan, mahupun peralatan keperluan untuk *frontliners* seperti peralatan perlindungan peribadi (PPE), pelitup muka, sarung tangan, sarung kasut, termometer, pensanitasi tangan dan pelindung muka (*face shield*). Setakat ini, jumlah sumbangan terkumpul bagi Tabung COVID-19 Pulau Pinang adalah sebanyak RM2,408,268.73. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada penyumbang-penyumbang tabung ini.

Di sebalik sesuatu yang berlaku, pasti ada hikmah disebaliknya. Begitu juga dengan krisis COVID-19 ini. Jabatan dan agensi Kerajaan baik dari pentadbiran negeri mahupun persekutuan tidak lagi bekerja secara berasingan ataupun *in-silo*. Semua jabatan dan agensi memiliki fungsi masing-masing dan saling melengkapi antara satu sama lain. Sesungguhnya kejayaan membendung penularan COVID-19 agar kes tidak meningkat secara drastik adalah hasil dari *whole-of-government effort*.

Dalam usaha ini, masyarakat juga memainkan peranan yang amat penting. Tanpa *whole-of-society effort*, sudah pasti tiada satu kerajaan pun di dunia ini yang mampu menangani krisis COVID-19. Kita dapat melihat bagaimana NGO, syarikat swasta malahan orang perseorangan turut serta menghulurkan bantuan kepada mereka yang terkesan akibat PKP seperti kelompok yang kehilangan sumber pendapatan dan penerima bantuan kerajaan. Malah, kadar pematuhan yang sangat tinggi oleh rakyat terhadap PKP juga merupakan satu usaha sosial dalam mengekang penularan wabak ini. Syabas saya ucapkan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

BANTUAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat komited untuk mencegah penularan wabak COVID-19 dari terus mengancam rakyat. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah melancarkan kempen Penang Lawan COVID-19 melalui pemasangan *billboard* di seluruh Pulau Pinang, mengadakan siaran *Facebook Live* bagi menyampaikan mesej-mesej harian serta mewujudkan laman web kempen yang boleh diakses melalui penanglawancovid19.com.

Selain itu, pada 25 Mac 2020, Kerajaan Negeri telah mengumumkan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang yang berjumlah RM75 juta untuk meringankan

beban rakyat yang terkesan dengan pandemik ini. Objektif utama Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang adalah:

- (i) Memberikan bantuan segera kepada golongan yang paling terkesan (*most vulnerable group*) iaitu penjaja, peniaga kecil, pemandu teksi, penarik beca, pemandu *e-hailing*, OKU dan kumpulan B40;
- (ii) Mengupayakan golongan pekerja untuk berdiri semula dan meneruskan usaha menjaga diri, keluarga serta membangunkan negeri melalui produktiviti; dan
- (iii) Membolehkan kelangsungan perniagaan atau '*business continuity*' di negeri Pulau Pinang bagi memastikan ekonomi negeri akan terus dibangunkan pasca 28 April 2020.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

PASCA COVID-19

Ramai pakar kesihatan berpandangan bahawa penularan wabak COVID-19 ini tidak akan berakhir sekurang-kurangnya dalam tempoh 18 bulan lagi. Justeru, banyak perkara yang akan berubah. Cara hidup rakyat, cara mentadbir Kerajaan, begitu juga cara menjalankan perniagaan. Sememangnya, situasi ini merupakan *new normal* kepada kita yang mana kita terpaksa mengadaptasi rutin harian agar bersesuaian dengan situasi pandemik ini dalam tempoh masa yang berkemungkinan lebih lama. Kita perlu lihat kembali potensi *digitalisation* dalam pelbagai sektor dan memaksimumkan penggunaan teknologi seperti *Internet of Things* (IoT), *Big Data* dan *Artificial Intelligence* (AI).

Realitinya, dunia mungkin akan mengalami kelembapan ekonomi. Semua sektor ekonomi akan terjejas dan diikuti dengan pelbagai masalah sosial. Namun, Kerajaan Negeri berikrar akan melakukan yang terbaik untuk memastikan kesejahteraan rakyat di negeri ini. Dari semasa ke semasa, Kerajaan Negeri akan melihat kesan COVID-19 ini secara menyeluruh pada setiap lapisan masyarakat dan juga setiap sektor ekonomi. Kerajaan Negeri juga sedang merangka Strategi Next Normal Pulau Pinang bagi memulihkan keadaan seperti sedia kala. Dalam usaha ini, Kerajaan Negeri akan mengambil pendekatan yang seimbang antara nyawa dan kehidupan. Dalam erti kata lain, dalam kita memfokuskan kepada isu kesihatan awam (*public health*), kita juga perlu mengambil kira faktor kesejahteraan ekonomi (*economy health*). Strategi Next Normal Pulau Pinang ini memiliki tiga misi utama, iaitu:

Pertama, mengukuhkan ekosistem di Pulau Pinang;

Kedua, menyelaraskan ekosistem tersebut kepada perubahan abad ke-21; dan

Ketiga, membina ketahanan (*resilience*) untuk menghadapi sebarang kemungkinan krisis pada masa hadapan.

Strategi ini akan melihat kepada pembaharuan daripada aspek institusi, ekonomi serta sosial di Pulau Pinang. Malah, kita sudah boleh melihat contoh anjakan ini dalam operasi serta pendekatan Kerajaan Negeri pada minggu ini. Misalnya, kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melancarkan program untuk membantu para penjaja dan peniaga kecil memasuki pasaran e-dagang menerusi kempen seperti Jom Beli Online dan eBazar Ramadan. Pada hujung minggu ini pula, bermula 18 April 2020, Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) akan menganjurkan pertandingan e-sukan, Liga Duduk Rumah.

Manakala, pada hari Isnin depan iaitu 20 April 2020, *Digital Penang* akan menganjurkan sidang meja bulat maya (*virtual round table*) "*PLC19 eCrowdSource: Hacking the Next Normal*" yang mana penggiat teknologi, jurutera komputer, *coder* dan lain-lain pihak berkaitan akan berkumpul secara maya bagi membincangkan penyelesaian teknologi sebagai menempuh cabaran-cabaran baru yang sedang kita hadapi.

Kerajaan Negeri juga telah mengarahkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan *InvestPenang* untuk melibatkan industri pembuatan di Pulau Pinang untuk menilai kemungkinan mengubah kapasiti pengeluaran mereka untuk membantu menghadapi krisis COVID-19. Kerajaan Negeri membayangkan bahawa:

- (i) Berdasarkan kekuatan semasa Pulau Pinang sebagai hab pembuatan global yang canggih dengan *pool of knowledge* serta jumlah pekerja mahir yang tinggi, kita dapat dengan cepat menjadikan diri kita sebagai pusat pembuatan utama untuk bekalan perubatan "semasa perang COVID-19" seperti pelitup muka, peralatan pelindung diri (PPE), ventilator, pensanitasi tangan dan barangan lain yang diperlukan. Pulau Pinang mahu membantu barisan *frontliners* kesihatan di seluruh Malaysia dalam usaha melawan COVID-19. Sementara itu, kita berharap dapat tampil lebih kuat dalam sektor bekalan perubatan sehingga dapat menyediakan pekerjaan dan menjana pendapatan bagi rakyat;
- (ii) Berdasarkan kekuatan semasa Pulau Pinang sebagai pusat makanan, hasil pertanian dan perikanan, Pulau Pinang akan bekerja lebih keras lagi untuk memastikan bahawa kita dapat menyediakan lebih banyak makanan dan makanan olahan untuk semua rakyat Malaysia dalam pertarungan jangka masa panjang ini;
- (iii) Berdasarkan kekuatan Pulau Pinang dalam industri elektronik dan elektrik sekarang ini, kita juga ingin meningkatkan tahap seterusnya untuk mendorong inovasi dan pengeluaran teknologi, alat dan produk yang akan membantu rakyat Pulau Pinang dan

Malaysia untuk memasuki *next normal* selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Semua ini akan menjadi usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam pasca COVID-19. Justeru, Kerajaan Negeri berharap agar Kerajaan Persekutuan turut sama berkongsi visi ini dan melihat nilai-nilai yang dimiliki oleh Pulau Pinang untuk membantu negara dalam tiga (3) bidang yang baru saya gariskan. Kerajaan Negeri juga berikrar akan melaksanakan pembaharuan ekonomi melalui galakan penggunaan platform digital dalam sektor ekonomi, meneruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan mempergiat usaha menarik pelaburan asing serta domestik dalam usaha memperbanyak peluang pekerjaan untuk rakyat jelata.

Dalam era pasca COVID-19 kelak, aspek kebersihan perlukan diutamakan. Usaha ini semestinya memerlukan *whole-of-society effort* melalui *Cleaner, Healthier and More Caring Penang*. Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan melipat gandakan usaha untuk memastikan kebersihan di tempat-tempat awam supaya rakyat dapat menikmati kehidupan yang sihat seperti sedia kala.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan,

HARAPAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Kita tidak dapat mengawal penyebaran COVID-19 tetapi kita dapat melakukan segala yang mungkin untuk mengurangkan jumlah pesakit di hospital kerana penyakit lain. Sekiranya ada individu dalam masyarakat kita yang tidak mampu mempunyai makanan, tempat tinggal dan penjagaan kesihatan asas dan dijangkiti COVID-19, maka seluruh masyarakat akan menderita. Kita mesti memupuk semangat #KitaJagaKita untuk membina solidariti dengan kelompok masyarakat yang memerlukan. Semua ini memerlukan usaha seluruh masyarakat dan saya menyeru agar semua pihak bersama-sama menjadikan Pulau Pinang lebih bersih, lebih sihat dan lebih peduli. Saya yakin, melalui usaha kita semua, negeri Pulau Pinang akan mampu untuk keluar daripada krisis ini dan terus berkembang maju serta cemerlang.

Pada kesempatan ini, saya juga menyeru agar rakyat terus patuh dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), mengamalkan kebersihan diri yang optimum sepanjang masa serta mengamalkan penjarakkan fizikal atau *physical distancing*. Semoga kita sama-sama dapat mengharungi waktu sukar ini dengan sebaik yang mungkin. Saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang telah memberi beberapa pandangan dan cadangan yang akan semestinya diambil kira dan diberi pertimbangan oleh pihak Kerajaan Negeri.

PENUTUP

Akhir sekali, Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, saya mengulangi pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk terus komited dalam memastikan keselamatan serta kesihatan rakyat seluruh negeri ini terus terjamin. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan sedaya upaya membantu sektor ekonomi agar kembali berkembang pesat seperti kelazimannya. Marilah kita terus bersama-sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mencegah serta menangani wabak COVID-19 ini secara menyeluruh demi kepentingan rakyat.

Penang Lawan COVID-19!

Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

Dan sebelum saya mengakhiri, Dato' Yang di-Pertua, saya mohon keizinan Dewan yang mulia untuk bertafakur selama seminit untuk memberi penghormatan terakhir kepada mangsa-mangsa COVID-19, dan kepada mereka yang masih menerima rawatan, semoga cepat sembuh dan kembali di samping keluarga masing-masing.

Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sila berdiri untuk seminit tafakur

[Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri untuk bertafakur selama satu (1) minit]

Terima kasih Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang telah membuat penggulungan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

“Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul ‘Bahawa kami, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Keempat Belas pada pagi ini, 17 April 2020 dipersetujui”.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”.

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”. Sebulat suara usul dipersetujui.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dato’ Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kerjasama semua sepanjang perjalanan persidangan kali ini dan dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan kepada semua khasnya kepada umat Islam muslimin dan muslimat untuk menyambut bulan Ramadan yang tak sampai seminggu lagi. Untuk ini, sekali lagi terima kasih kepada semua, Dewan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.25 pagi.